



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Hal Ehwal Islam

SIRI 4

MAUIZAH موعظة

BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM

UNIT PENDIDIKAN DAN BIMBINGAN (UPB)

GOLONGAN YANG AKAN MUFLIS DI AKHIRAT



عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَتَدْرُونَ مَنْ الْمُفْلِسُ قَالُوا الْمُفْلِسُ فِينَا يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ لَا لَهُ
دِرْهَمٌ وَلَا دِينَارٌ وَلَا مَتَاعٌ قَالَ الْمُفْلِسُ مَنْ أَمَّتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَنْ يَأْتِي بِصَلَاةٍ وَصِيَامٍ وَزَكَاةٍ وَيَأْتِي قَدْ شَتَمَ عِرْضَ هَذَا
وَقَذَفَ هَذَا وَأَكَلَ مَالَ هَذَا وَضَرَبَ هَذَا فَيُتَقَدُّ فَيُقْتَضُ هَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ وَهَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ فَإِنْ فَنِيَتْ حَسَنَاتُهُ
قَبْلَ أَنْ يُقْضَى مَا عَلَيْهِ أَخَذَ مِنْ خَطَايَاهُمْ فَطُرِحَ عَلَيْهِ ثُمَّ طُرِحَ فِي النَّارِ

Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bertanya: "Tahukah kamu siapakah orang yang muflis itu?" Para sahabat menjawab: "Orang yang muflis di kalangan kami adalah orang yang sudah tidak lagi memiliki dirham dan harta benda." Baginda bersabda: "Orang yang muflis adalah orang yang datang pada hari Kiamat dengan membawa amalan solat, zakat dan puasa, Namun dia datang dalam keadaan dahulu pernah mencaci maki si fulan, menuduh dan memfitnah fulan, memakan harta si fulan, menumpahkan darah si fulan dan memukul si fulan. Amal-amal kebbaikannya dibahagi-bahagikan kepada orang-orang tersebut. Jika hak yang pernah dia langgar belum dapat dipenuhi semuanya, sedangkan amal-amal kebbaikannya sudah habis, maka kesalahan-kesalahan mereka diambil lalu dipikulkan ke belakangnya. Kemudian dia dilempar ke dalam neraka". (Riwayat Muslim: 2581, Ahmad: 8829)

KETERANGAN HADITH

MUFLIS

- Dalam tasawwur Islam terbahagi kepada dua bahagian iaitu muflis harta di dunia dan muflis pahala di Akhirat atau dengan kata lain, muflis di dunia dan muflis di Akhirat.
- Kefahaman tentang keseimbangan di antara dunia dan Akhirat perlu diperkemaskan; jika muflis membawa erti kerugian harta benda di dunia, maka di Akhirat juga tidak seharusnya berlaku muflis yang membawa erti kerugian pada pahala bagi amal kebajikan.

SIAPA YANG MUFLIS?

- Mereka ialah segolongan manusia yang tidak berakhlak terhadap orang lain, lebih suka menjaga tepi kain orang seperti mengumpat, mengeji, memfitnah dan memburuk-burukan orang lain. Mereka menunaikan solat, puasa dan menunaikan ibadat haji secara konsisten, mungkin juga antara mereka adalah ahli agama yang dihormati masyarakat, tetapi memiliki sikap yang tidak jelas atau masih kabur.

SEBAB MUFLIS

- Nabi SAW mengkategorikan orang ini sebagai muflis Akhirat atau muflis amal kebajikan kerana amal kebajikannya ternyata sia-sia dan tidak mendatangkan apa-apa faedah yang boleh dinikmatinya. Rasulullah SAW menyatakan, orang ini akan datang pada hari Kiamat membawa amal-amal kebajikan tetapi ditolak oleh Allah SWT disebabkan terpaksa membayar ganti rugi terhadap mangsa-mangsa kezalimannya semasa di dunia dahulu.

KETERANGAN HADITH

BAGAIMANA BOLEH MUFLIS?

- Setiap orang dikehendaki menyelesaikan terlebih dahulu hak-hak kemanusiaan atau dosa-dosa yang berkaitan hak-hak manusia seperti hutang yang belum dibayar, mengumpat, mengeji, memfitnah dan menzalimi manusia dan belum mendapat kemaafan dari pihak yang dizalimi. Kesalahan-kesalahan ini akan dituntut dengan membayar ganti rugi kepada pihak yang dizalimi sebelum kedua-dua pihak bergerak merentasi sirat (titian) yang sangat mencabar.

GANTI RUGI?

- Bagaimana ganti rugi dibayar dengan amalan khusus? sebagai contoh: Pahalanya diperolehi hasil daripada ibadat yang berganda-ganda pahalanya, sedangkan bayaran ganti rugi hanya secukup kerugian yang ditanggung pihak yang terlibat dalam kerugian.
- Sebenarnya, bayaran ganti rugi hanya setakat kerugian yang ditanggung sahaja, manakala selebihnya kekal dalam akaun asal pemilik amal kebajikan itu. Itu pun jika pahala dari amal kebajikan masih berbaki selepas dibayar ganti rugi kepada pihak-pihak yang membuat tuntutan.



اَوَّلُ سَبِيلٍ تَتَكُونُ لَوَيْكُنْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Hal Ehwal Islam

BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM

Pejabat Naib Canselor

Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +603-55442350

Faks: +603-55435635

